

Objektif

Menjalankan projek menanam pokok selasih di kebun sekolah melalui dua cara.

Bahan

Pokok selasih yang matang, biji benih selasih, dua biji pasu bersaiz sederhana, tanah kebun dan baja yang sesuai.

Arahan

Cara 1 :

Penanaman pokok selasih melalui biji benih:

1. Sediakan bekas yang sesuai dan isikan tanah kebun serta baja
2. Semai biji benih selasih
3. Siram biji benih setiap hari
4. Perhatikan dan rekod perkembangan tumbesaran pokok selasih setiap hari selama 14 hari.

Cara 2 :

Penanaman pokok selasih melalui keratan batang:

1. Potong batang pokok selasih
2. Sediakan bekas berisi air
3. Rendam batang selasih ke dalam bekas berisi air tersebut
4. Perhatikan dan rekod perkembangan akar dan daun yang keluar daripada keratan batang setiap hari selama 14 hari